

TARIKH	24 / 9 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	15	RUANGAN	Setempat

Tabung Haji sedia 500 petugas lancarkan pengurusan

KELANA JAYA : Bagi melancarkan operasi pengurusan jemaah haji di Kompleks Tabung Haji (TH), di sini, seramai 500 petugas disediakan bagi membantu urusan pentadbiran.

Pengarah Operasi Haji Tanah Air Stesen Kelana Jaya, Mohd Rafidi Ibrahim berkata, kompleks TH mene-

rima 500 hingga 1,000 jemaah setiap hari melalui TH sebelum meneruskan penerbangan ke Tanah Suci.

“Justeru, bagi melancarkan pengurusan seperti agihan kelengkapan jemaah haji dan pelekat penginapan, perhubungan awam petugas kebajikan kami sudah me-

ngambil 76 pelatih sambilan daripada Skim Latihan Malaysia (SLIM).

“Selebihnya terdiri daripada anggota atau kakitangan TH yang berpengalaman se-

lain dibantu agensi awam lain,” katanya.

Katanya, selain bertugas mengikut syif, kakitangan

terbabit juga terpaksa bertugas 24 jam bagi menge-

lakkan berlaku kejadian tidak diingini dan memastikan jemaah mendapat perkhidmatan terbaik.

Katanya, petugas dinasihat sentiasa memberi layanan terbaik kepada jemaah haji dan menganggap kerja tersebut sebagai ibadat.